

LAWATAN PEMERIKSA LUAR JABATAN PENGURUSAN PEMBINAAN PERKUKUH KUALITI AKADEMIK DI FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN PERNIAGAAN, UTHM

Parit Raja, 16–17 Disember 2025 – Jabatan Pengurusan Pembinaan (JPP), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menerima Lawatan Pemeriksa Luar oleh Prof. Sr. Ts. Dr. Syahrul Nizam Kamaruzaman, Jabatan Ukur Bangunan, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya.

Program dua hari ini bertujuan menilai pelaksanaan program akademik JPP merangkumi aspek kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran, penilaian pelajar, kemudahan sokongan, serta pematuhan kepada standard jaminan kualiti pendidikan tinggi.

Sepanjang lawatan, sesi syarahan, perbincangan akademik dan sesi libat urus bersama pensyarah serta pelajar telah diadakan. Prof. Dr. Syahrul Nizam turut menyampaikan pandangan profesional dan cadangan penambahbaikan yang bersifat membina ke arah pengukuhan kualiti program Pengurusan Pembinaan di FPTP.

Pihak jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian beliau berkongsi kepakaran dan pengalaman, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan komitmen UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing, beretika dan relevan dengan keperluan industri. JPP juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pasukan jabatan yang diketuai oleh Ketua Jabatan JPP, PM Ts Gs Dr Sulzakimin Mohamed serta penyelaras program iaitu PM Dr Haryati Shafii di atas segala usaha dan sokongan semasa menjalankan program ini.

Program ini telah mencerminkan kesungguhan JPP dan FPTP dalam memastikan penambahbaikan berterusan serta kecemerlangan akademik demi kepentingan pelajar dan pembangunan negara.

LAWATAN PEMERIKSA LUAR

JABATAN PENGURUSAN PEMBINAAN
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI
DAN PERNIAGAAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA



**PROF. SR TS DR SYAHRUL NIZAM
KAMARUZAMAN**

Jabatan Ukur Bangunan
Fakulti Alam Bina
Universiti Malaya

Butiran Program

16-17 Disember 2025

09:00am - 05:00pm

Bilik Mesyuarat
Serbaguna, A4, FPTP



"Dengan Hikmah Kita Meneroka"

"Malaysia Madani"

"Berkhidmat Untuk Negara"





